

UMK galak usahawan jana pendapatan

15 kios tambahan pada pertengahan tahun

HAZIRAH HALIM

YAYASAN Wilayah Persekutuan (YWP) melalui inisiatif Program Pembangunan Usahawan Muda Kota (UMK) merancang untuk membuka sebanyak 15 kios jualan baharu menjelang pertengahan tahun ini.

Pengurus Seksyen Usahawan Mikro Kredit, Jabatan Pembangunan Perniagaan Kumpulan YWP, **Ahmad Hethir Hashim** berkata pertambahan kios itu merupakan

langkah untuk memperkasakan pembangunan usahawan di samping meningkatkan nilai jualan dan pemasaran.

"15 kios ini telah pun tersedia di kawasan Taman Melati di mana penyediaan kios tersebut dibantu oleh seorang pengurus atau ketua yang akan mengawal dari segi kadar sewa, strategi pemasaran dan sebagainya.

"Dari segi pemantauan pula, YWP menggunakan dua konsep berbeza iaitu pemantauan secara terus oleh YWP atau pemantauan

melalui ketua yang dilantik (*anchor tenant*).

"Kalau kita berikan kepada ketua yang dilantik, caranya lebih mudah kerana kita pantau seorang sahaja untuk 15 kios tersebut tetapi di Jalan Alor, kesemua lima kios yang ada dipantau oleh YWP," katanya.

Walau bagaimanapun, Ahmad Hethir berkata pihaknya kini sedang bergiat untuk membantu meningkatkan strategi pemasaran bagi memperluaskan hasil jualan usahawan yang berada di Jalan Alor, Bukit Bintang.

"Lima kios di Jalan Alor dibuka untuk YWP melihat tahap keberkesanan sama ada pelaksanaan tersebut berjaya dan boleh dilakukan di tempat-tempat lain atau tidak.

"Bukan mudah untuk memecahkan tradisi di kawasan berkenaan tambah pula dengan banyak kedai-kedai hipster atau kafe di situ serta kekurangan fasiliti dari segi tandas mahupun tong sampah.



AHMAD HETHIR



SEBAHAGIAN 15 kios yang telah disediakan di Taman Melati.

"Saya sedar, faktor lokasi dan persekitaran memainkan peranan penting buat peniaga. Justeru itu, YWP akan sentiasa memantau kawasan tersebut secara berkala dan sedang berbincang dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk memenuhi ruangan

tersebut dengan usahawan lain bagi memeriahkan kawasan berkenaan," ujarnya.

Dalam pada itu, Ahmad Hethir menyeru kepada semua peniaga di ibu kota untuk mengambil peluang menyertai Program UMK yang disediakan YWP di beberapa

lokasi.

Terdahulu, Program UMK merupakan usaha yang dirangka oleh YWP sejak tahun 2020 bersama DBKL, Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP), Perbadanan Putrajaya (PPj) serta pihak berkaitan. 